



جامعة حماية اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“PERSEKITARAN LESTARI MASYARAKAT HARMONI”

(9 November 2018 / 1 Rabi’ulawwal 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا، وَتَبَارَكَ الَّذِي جَعَلَ فِي السَّمَاوَاتِ بُرُوجًا وَجَعَلَ فِيهَا سِرَاجًا وَقَمَرًا مُنِيرًا، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدْرَهُ تَقْدِيرًا، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ يَأْذِنُهُ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَاتَّبَاعِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ جَلَّ وَعَلَّا، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ التَّقْوَى فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَايِهِ، وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah ﷺ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini mengajak para jemaah menghayati khutbah yang akan membicarakan berkenaan “PERSEKITARAN LESTARI MASYARAKAT HARMONI”, hakikat ini selari dengan kedudukan kita sebagai khalifah yang diberi tanggungjawab memakmurkan bumi ini seperti mana firman Allah ﷺ dalam surah Hud ayat 61:

﴿هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا﴾

Bermaksud: “Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya”

HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Allah ﷺ menjadikan alam ini dengan pelbagai nikmat untuk keperluan dan kemudahan hidup manusia seperti air, udara, tumbuh-tumbuhan, haiwan, gunung ganang, sungai dan sebagainya. Sebagai manusia yang sentiasa mengharapkan kehidupan yang penuh dengan keselesaan, kita haruslah mensyukuri dan menghargai setiap anugerah kurniaan nikmat Allah ﷺ, kita bersyukur kerana dengan rahmat-Nya kita masih lagi dapat menghirup udara yang nyaman, kesihatan yang baik dan berbagai nikmat yang tidak terhitung.

Dalam masa yang sama, manusia yang diamanahkan menjadi khalifah Allah ﷺ wajib memikul tanggungjawab mengurus dan mengatur alam ini dengan lestari, sentiasa menjaga dan memanfaatkannya sebaik mungkin tanpa melakukan sebarang kerosakan. Pembangunan yang dilaksanakan haruslah seimbang dan saksama, terutamanya di bandar-bandar yang menjadi tumpuan kehidupan manusia.

Segala tindakan manusia hendaklah dalam konteks mengabdikan diri kepada Allah ﷺ dengan tidak mengakibatkan pencemaran, kemasuhan dan bencana kepada manusia serta alam sekitar. Oleh itu, mimbar Jumaat hari ini menyeru para jamaah supaya kita meneliti bagaimana sepatutnya bumi ini dimakmurkan. Terutamanya keperluan membangunkan persekitaran kediaman di negara ini dengan kemudahan yang mampan dan memberikan keselesaan, kesejahteraan dan keharmonian kepada penghuninya.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Kita perlu jelas bahawa tamadun manusia menekankan kepada dua elemen penting, iaitu kehalusan budi pekerti dan juga pembangunan persekitaran penempatan manusia. Matlamatnya ialah ke arah membangunkan negara seimbang dari segi *spiritual*, mental dan fizikal bagi mencapai kejayaan,

kecemerlangan, keamanan dan kemakmuran hidup di dunia dan akhirat.

Sasaran dalam agenda pembangunan persekitaran penempatan manusia ialah mewujudkan persekitaran yang berdaya huni merangkumi penyediaan kemudahan awam yang lengkap dan mudah dicapai seperti sekolah, pusat kesihatan dan komuniti, kemudahan riadah dan kemudahan beribadat. Selain itu, keutamaan pembangunan turut diberikan kepada aspek keselamatan persekitaran supaya masyarakat dapat hidup dengan aman dan damai. Sama ada keselamatan individu mahupun keselamatan daripada risiko-risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lainnya. Maka untuk mencapai sasaran tersebut, segala usaha pembangunan mestilah dirancang dengan rapi dan dilaksanakan dengan penuh teliti dengan mengambil kira semua aspek.

Rasulullah ﷺ sendiri telah membuat perancangan rapi dalam membangunkan kota Madinah selepas hijrah. Baginda ﷺ telah membina Masjid Nabawi sebagai pusat pentadbiran dan kemasyarakatan. Baginda ﷺ turut menyusun kediaman golongan Ansar dan Muhajirin berhampiran masjid dengan persetujuan semua pihak. Baginda ﷺ juga mewujudkan kemudahan penginapan bagi kabilah-kabilah yang bermusafir. Bahkan Rasulullah ﷺ memberi penegasan tentang keperluan kajian yang rapi dengan mengambil pengajaran daripada peristiwa yang lalu sebagai elemen penting dalam setiap perancangan. Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ"

Mafhumnya: "orang yang beriman tidak jatuh (atau tidak disengat) di lubang yang sama dua kali."

Yang memberi peringatan supaya tidak mengulangi kesilapan yang sama dan menyeru kepada perancangan teliti dan berhati-hati dalam tindakan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Namun realiti hari ini, berlaku masalah-masalah alam sekitar seperti membuang sampah merata-rata, membuang sisa buangan secara terus ke laut dan sungai, melepaskan asap kilang tanpa tapisan, menceroboh hutan secara berleluasa, menjalankan aktiviti pembangunan secara tidak terkawal, melakukan pembakaran secara terbuka dan pelbagai aktiviti seumpamanya yang akan memberi kesan jangka masa panjang kepada alam sekitar seperti peningkatan suhu bumi, pencemaran sumber air, pencemaran udara, banjir besar, tanah runtuh, pembakaran hutan, kepupusan flora dan fauna dan perubahan cuaca tidak menentu yang pasti menjaskannya keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan kehidupan manusia.

Masyarakat dunia kini mulai bimbang dengan perubahan iklim dunia dan isu pemanasan global. Peningkatan suhu, terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar terjadi akibat banyak gas-gas beracun seperti gas karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kenderaan dan kilang-kilang perusahaan terperangkap di atmosfera. Pertambahan jumlah haba ini menyebabkan suhu panas yang terkumpul pada waktu siang akan menjadikan suhu pada malam hari juga turut meningkat. Keadaan ini kadangkala menyebabkan cuaca melampau, termasuk suhu kedinginan dan kepanasan yang ekstrem.

Apa yang pasti, pelbagai bencana dan kerosakan persekitaran yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaian manusia itu sendiri. Sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah ﷺ dalam surah al-Rum ayat 41:

﴿ظَاهِرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya

yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sehubungan dengan itu, perancangan yang teliti kearah mewujudkan pembangunan persekitaran lestari merupakan satu langkah berkesan untuk memelihara kestabilan ekosistem dan kesejahteraan serta keselamatan kehidupan. Kita semua mempunyai peranan dalam memastikan perancangan dan pembangunan dilaksanakan secara mampan. Pembangunan yang seimbang bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan fizikal yang bersifat kebendaan dan luaran, tetapi juga pembangunan insan yang mempertimbangkan faktor-faktor kerohanian dan penghayatan nilai-nilai murni dalam sebarang bentuk dan tindakan pembangunan.

Mimbar turut mengaitkan pembangunan persekitaran lestari bersempena dengan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia yang disambut di seluruh dunia pada 8 November setiap tahun. Aspirasi kita semua pada masa hadapan ialah agar bandaraya dan juga bandar-bandar dibangunkan untuk kemudahan semua lapisan masyarakat dan tanpa meminggirkan sesiapa. Bertemakan Bandar Untuk Semua ke arah memastikan semua penduduk, sama ada generasi sekarang ataupun yang akan datang, dapat tinggal dalam bandar-bandar dengan kawasan penempatan yang selesa, sihat, bersih, mudah bergerak dari satu tempat ke satu tempat, kos kehidupan yang mampu dan hidup sejahtera. Hasrat ini adalah bagi memelihara kesejahteraan dan meningkatkan kualiti dan keharmonian hidup untuk semua.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sebagai kesimpulannya bagi mengakhiri bicara ini, beberapa pengajaran yang dapat dipetik daripada intisari khutbah untuk penghayatan bersama-sama iaitu:

- Pertama:** Manusia yang di amanahkan menjadi khalifah Allah ﷺ wajib memikul tanggungjawab memakmurkan alam ini sebaik-baiknya.
- Kedua:** Segala projek pembangunan mestilah dirancang dan dilaksanakan dengan penuh teliti dengan mengambil kira semua aspek.
- Ketiga:** Pembangunan perlu dilaksanakan secara seimbang dan tuntas melibatkan pembangunan fizikal dan pembangunan insan.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ وَلَقَدْ مَكَّنَنَا لَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشًا قَلِيلًا مَا شَكُرُونَ ﴾

Bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya penghidupan, tetapi amatlah sedikit kamu bersyukur.”

Surah al-A’raf, ayat 10

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللّٰهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّلُهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَنِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدَ الْخَلَاقِ وَالْبَشَرِ۔ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَبَنِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحةَ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَبَّلُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلِيمًا ﴿٥٦﴾
الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَىٰ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَرْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدُنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَائِبِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضِ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكَرِامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ
كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوِهِ دُولِي
يُغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِيْ قَادُوكْ بَكِينِدا يُغْ دَفْرِتوَانَ اكْنُوْغْ كَلِيمَا بَلِسْ.

سلطان محمد كلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَائِبِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحِ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَبَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ。 أَللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرَعَ
الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوْزَارَائِهِ سَيِّلاً وَمِنْهَا جَاهًا。 وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا
وَهَاجَاهًا。 أَللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بَلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَةً رَحِيْةً。
أَللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَذْلِلَ الشَّرِكَ وَالْمُشْرِكَيْنَ، وَدَمِرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ،
أَللَّهُمَّ أَهْلِلِكَ الْكَفَرَةَ وَالْطُّغَاءَ وَالظَّالِمِيْنَ يَارَبِّ الْعَالَمِيْنَ، أَللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَا فِي كُلِّ مَكَانٍ،
وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوْكَ وَعَلَى عَدُوْهِمْ، أَللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحْدَ صُفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ
الْعَالَمِيْنَ。

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami, kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semuga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ。

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ。 وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ。